

# Akhbar di Sabah kata Usno akan dipecat

BH 21 FEB 64

Oleh **HAJI WAHAB ZAIN**

KOTA KINABALU, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini tetap enggan menamakan parti yang disebutnya semalam akan dipecat daripada Barisan Nasional.

Perdana Menteri berkata kelmarin, tatkala merasmikan khemah kerja politik anjuran Pemuda Berjaya di Keningau yang juga diser-

tai oleh Pemuda Umno dan PBB dari Sarawak. "Bahawa kita tidak memerlukan orang-orang yang menikam kita dari belakang, sedangkan parti itu tidak mempunyai ramai pengikut."

Walaupun wartawan-wartawan dalam persidangan akhbar yang diadakan di Lapangan Terbang Kota Kinabalu sejurus sebelum Datuk Mahathir berlepas ke Kuala Lumpur membawa Perdana Menteri membayangkan nama parti itu, beliau terenggan kerana perkara ini masih 'tidak rasmi' katanya.

Dua buah akhbar Bahasa Inggeris di ibu negeri ini hari ini menyiarkan secara besar-besaran bahawa USNO akan dipecat. Tetapi bila ditanya, beliau berkata, beliau tidak menyebut namanya dan seorang jurucakap USNO bila dihubungi berkata 'no komen' kerana kata-katanya, kalau Perdana Menteri tidak menamakan parti itu mengapa pula hendak dikatakan USNO.

Perdana Menteri berkata, kalau penduduk mahu mengubah cara hidup, maka potensi Sabah sangatlah besar: dengan banyak tanah yang se-

hathir berkata, beliau datang ke Sabah untuk menghadiri khemah kerja politik dan mengambil peluang meninjau pembangunan Sabah semenjak beliau datang ke sini tiga tahun dahulu.

Perdana Menteri berkata, umumnya pembangunan Sabah adalah pantas dan banyak perubuhan telah berlaku sebelum menjak kedatangannya dahulu. Usaha-usaha telah dijalankan untuk membaiki kedudukan rakyat dan ini sedang berjalan dengan baik. katanya.

Katanya, beliau telah melawat Kundasang dan ladang sayur Asparagus dan lain-lain.

Ladang teh yang dilawatnya tiga tahun dahulu kini mengalami perubahan yang memuaskan dan sebuah kilang teh didirikan di situ. Pengeluaran teh Sabah jugamula dipasarkan ke luar negeri.

"Milangnya," kata Perdana Menteri, "penduduk tempatan tidak pula suka barang keluaran tempatan. Oleh itu usaha meningkat pemasaran teh perlu ditingkatkan."

Perdana Menteri berkata, kalau penduduk mahu mengubah cara hidup, maka potensi Sabah sangatlah besar: dengan banyak tanah yang se-

Datuk Seri Dr. Mahathir untuk tanam.